

Pengenalan

Notis dan polisi perlindungan data peribadi ini (“NPPDP”) menetapkan cara bagaimana kami di Chua Associates, mengumpul, memproses, mengguna, menzahir, memindah, mengurus, merekod serta menyimpan maklumat dan data peribadi yang diberikan kepada kami dalam urusan kami dengan klien kami serta pemberian perkhidmatan guaman kami kepada klien tersebut mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

Terma-terma NPPDP ini perlu dibaca bersama-sama dengan perakuan persetujuan yang telah dinyatakan di dalam surat pelantikan kepada klien tersebut (“SP”).

Pengumpulan

Berdasarkan pelantikan kami sebagai peguamcara dan melalui urusan kami dengan klien tersebut, kami berkemungkinan akan mengumpul maklumat dan data peribadi daripada klien tersebut, pihak-pihak yang berkaitan dengan klien tersebut, pihak-pihak ketiga dan/atau sumber-sumber lain dari masa ke semasa.

Tujuan

Tujuan pengumpulan maklumat dan data peribadi adalah supaya kami boleh menjalankan perkhidmatan guaman kami dan memenuhi tanggungjawab kami kepada klien tersebut.

Penzahiran dan Pemindahan

Kami tidak akan menzahirkan sebarang maklumat dan data peribadi yang diberikan oleh klien tersebut kecuali sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perakuan persetujuan dalam SP tersebut.

Maklumat dan data peribadi yang diberikan kepada kami berkemungkinan akan dipindahkan ke luar negara Malaysia disebabkan tempat penyimpanan maklumat dan data kami termasuk, tanpa had kepada, server-server teknologi maklumat serta kemudahan-kemudahan sokongan yang mungkin bertempat di luar negara Malaysia.

Persetujuan

Dengan melantik kami sebagai peguamcara dan/atau memberikan kami maklumat dan data peribadi, persetujuan klien tersebut akan dianggap telah diberikan kepada kami untuk mengumpul, memproses, mengguna, menzahir, memindah, mengurus, merekod dan menyimpan maklumat dan data peribadi tersebut mengikut terma-terma yang dinyatakan dalam NPPDP ini. Persetujuan tersebut akan dianggap berkekalan sehingga dan hanya selepas kami telah menerima arahan bertulis yang bertentangan dengan persetujuan tersebut daripada klien tersebut.

Keselamatan

Kami telah dan akan terus mengambil usaha sewajarnya untuk memastikan maklumat dan data peribadi klien tersebut telah dan akan disimpan dengan selamat.

Hak-hak

Klien tersebut mempunyai hak untuk meminta akses kepada maklumat dan data peribadinya yang dipegang oleh kami dan hak klien tersebut tertakluk kepada hak-hak kami di bawah undang-undang yang berkaitan dan pengecualian-pengecualian berkanun untuk menolak akses tersebut.

Perubahan

Kami boleh meminda, menyemak dan/atau megemaskankini terma-terma NPPDP ini pada bila-bila masa dengan menyiarkan pemindaan, penyemakan dan/atau pengemaskinian terma-terma tersebut di laman web kami.

Notis

Untuk maklumat lanjut berhubung dengan NPPDP ini, sila hubungi:-

Pegawai PDP

Chua Associates

D4-3A-7, Solaris Dutamas, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur

T: +603-6205 5599

F: +603-6205 5577

E: admin@chuaassociates.com

Bahasa-bahasa

NPPDP ini telah diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya ada sebarang ketidakseragaman atau pencanggahan antara versi-versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.